

Buletin

ACIS

Syaaban-Ramadhan 1442/ April 2021

Hujan menyimpan
pelbagai makna
dan fungsi
yang mendalam
jika kita
memperhatikan
kejadiannya.

Mitos
Kesihatan
m.s. 5

Hukum
Penjarakan Saf
Solat Berjemaah
m.s. 6

Fungsi
Pemimpin Dalam
Organisasi
m.s. 7

Kalam Sufi Siri 1:
Sejarah
Kemunculan
Tasawuf Dalam
Islam
m.s. 8

NIKMAT HUJAN KEPADA MANUSIA

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah
Nasif Sidquee Pauzi
Nur Sofiah binti Suhaimi

Sidang Pengarang:

Nurul Atiqah Poniran
Dr Mohamad Hasif Jaafar
Hisam Satari
Dr Mohd Kamel Mat Salleh
Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari
UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan

Berminat untuk menerbitkan
artikel akademik atau apa-apa
hasil karya?

Hantarkan ke

faizubaiddah@uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah Buletin ACIS siri ketiga puluh yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini adalah "**NIKMAT HUJAN KEPADA MANUSIA**". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

Nikmat Hujan Kepada Manusia 3

Mitos Kesihatan 5

Hukum Penjarakan Saf Solat
Berjemaah 6

Fungsi Pemimpin dalam Organisasi 7

Kalam Sufi Siri 1: Sejarah
Kemunculan Tasawuf dalam Islam 8

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali



<https://www.facebook.com/ACISN9>



NIKMAT HUJAN

KEPADA MANUSIA

Oleh : Nurul Atikah Binti Poniran & Dr. Mohamad Hasif Bin Jaafar

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

Setiap yang Allah ciptakan di muka bumi ini memberikan kebaikan dan keburukan. Kejadian siang, malam, pelangi dan setiap musim di dunia ini memberikan 1001 makna. Ianya merupakan nikmat dan ujian kepada seluruh penduduk di alam ini. Selalunya, ianya memberikan kebaikan namun adakalanya ianya memberikan keburukan. Maha Kuasa Allah yang telah menciptakan hujan. Hujan merupakan rahmat serta nikmat yang diturunkan dengan pelbagai manfaat.

Antara manfaat yang kita sendiri, iaitu manusia peroleh adalah air untuk manusia minum, mencuci dan memasak. Selain itu, hujan memberikan kebaikan kepada alam. Misalnya haiwan dan tanaman. Dengan adanya air hujan, tempat-tempat tertentu seperti hutan belantara, hutan simpan dan kawasan yang tidak dijaga oleh manusia akan mendapat manfaat kepada kehidupan flora dan fauna. Tumbuh-tumbuhan dapat menjalankan proses fotosintesis secara semuljadi dan sempurna dengan kehadiran air daripada hujan serta matahari. Dengan berlakunya proses fotosintesis yang sempurna, pepohon akan menyediakan udara yang bersih untuk dihirup oleh manusia dan akan kurangnya berlaku pencemaran udara dan jerebu yang pastinya akan memberikan kesan buruk kepada rumah hijau atau secara umumnya, kepada bumi.

Begitulah pentingnya hujan kepada manusia dan alam semesta. Hujan dianggap suci di dalam Islam kerana ianya termasuk di dalam kalangan air mutlak yang bersifat suci lagi menyucikan. Daripada air hujan, seseorang boleh mengambil wudhu', mengangkat hadas besar dan kecil dengannya.

Allah telah menurunkan dua ayat dari dua surah

yang berbeza bagi membuktikan bahawa air hujan adalah air yang suci dan mutlak. Surah Al-Furqan ayat 48 yang membawa maksud “*Dan Kami turunkan daripada langit air yang suci*”, serta maksud dari surah Al-Anfaal ayat 11, “*Dan Dia menurunkan ke atas kamu air dari langit supaya kamu dapat bersuci dengannya*”. Begitulah Allah ingin memberitahu kepada seluruh umat manusia betapa bersihnya air hujan dan manfaat yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian.

NIKMAT HUJAN KEPADA MANUSIA

Hujan dibahaskan dalam al-Quran kerana fenomena alam adalah sebahagian daripada Islam dan ilmu pengetahuan yang tidak boleh dipisahkan. Dalam al-Quran banyak ayat-ayat yang menjelaskan hujan dalam kehidupan manusia. Hujan menyimpan pelbagai makna dan fungsi yang mendalam jika kita memperhatikan kejadiannya. Antaranya adalah sangat penting dalam kehidupan manusia dan turunnya air hujan ke bumi sebagai rahmat yang diperlukan seluruh makhluk.

Hal ini bertepatan dengan maksud firman Allah Taala, “*Dan Dialah yang menurunkan hujan sesudah mereka berputus asa dengan menyebarkan rahmat-Nya. Dan Dialah Yang Maha Pelindung lagi Maha Terpuji*” (As-Syuura:28).

Menurut al-Quran, salah satu penyebab turun hujan adalah iman dan takwa. Hal ini dinyatakan dalam al-Quran, surah al-A'raf ayat ke-96, yang berbunyi: “*Dan sekiranya penduduk negeri beriman dan bertakwa, pasti Kami akan melimpahkan*

kepada mereka berkat dari langit dan bumi, tetapi ternyata mereka mendustakan (ayat-ayat Kami), maka Kami seksa mereka sesuai dengan apa yang mereka kerjakan”.

Para ahli tafsir, seperti Imam at-Thabari menafsirkan bahawa apa yang dimaksud dengan keberkatan dari langit adalah hujan. Sementara berkat dari bumi adalah munculnya tumbuh-tumbuhan, akan tetapi, tumbuhan tidak akan muncul tanpa kehadiran air. Hal ini dikatakan demikian kerana adalah satu undang-undang yang ditetapkan oleh Allah SWT bahawa setiap yang hidup di bumi pasti memerlukan air untuk hidup baik manusia, jin atau haiwan. Sekiranya peraturan ini dilanggar, sudah pasti rosak fitrah makhluk tersebut.

Disebabkan itu, manusia seharusnya meyakini bahawa Allah berkuasa menurunkan hujan. Hal ini dikatakan demikian kerana, mudah sekali bagi Allah SWT untuk menurunkan hujan dengan cara mengarahkan mereka (wap-wap) bekerja melalui proses kondensasi air lalu terbentuknya awan dan akhirnya menurunkan hujan.

Sebagaimana ditegaskan Allah SWT dalam firman-Nya dalam surah al-A'raf ayat 57 yang bermaksud *“Dialah yang menuupkan angin sebagai pembawa khabar gembira, mendahului kedatangan rahmat-Nya (hujan), sehingga apabila angin itu membawa awan mendung, Kami halau ke suatu daerah yang tandus, lalu Kami turunkan hujan di daerah itu. Kemudian kami tumbuhkan dengan hujan itu berbagai macam buah-buahan”*.

Apa yang diungkapkan dalam al-Quran tentang hujan juga seiring dengan ilmu pengetahuan manusia. Dalam al-Quran disebutkan, bahawa Allah SWT menurunkan air hujan dalam ukuran dan kadar tertentu. Ayat ke-11 dalam surah az-Zukhruf yang berbunyi, *“Dan yang menurunkan air dari langit menurut kadar (yang diperlukan), lalu Kami hidupkan dengan air itu negeri yang mati”*.



Secara umumnya, jumlah hujan yang turun ke bumi selalu sama. Dikatakan bahawa sebanyak 16 tan air di bumi menguap setiap saat. Dengan demikian, dikatakan bahawa hujan secara terus-menerus beredar dalam satu kitaran seimbang menurut “kadar” tertentu. Air hujan merupakan nikmat dan rezeki bagi manusia kerana hujan dapat menyuburkan dan mengairi tanah yang gersang serta menjadikan tanah tersebut boleh digunakan sebagai pelopor kepada tumbuh-tumbuhan untuk berkembang. Tumbuhan yang membesar dapat menghasilkan buah-buahan yang boleh dijadikan sumber pendapatan jika dijual dan

makanan kepada haiwan yang lalu-lalang di kawasan tersebut.

Sering kali manusia mengeluh jika hujan datang, namun pada sudut yang lain seharusnya manusia bersyukur kerana hujan adalah satu rezeki yang Allah SWT kurniakan kepada penduduk bumi. Jika diperhatikan hujan tidak datang setiap hari tetapi mempunyai masa-masa yang tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana, jika hujan datang setiap hari pasti akan menyebabkan manusia dalam kesusahan kerana terpaksa tidak keluar berniaga dan mengganggu aktiviti manusia normal. Padahal tanpa hujan, tentu manusia tidak boleh menikmati air yang bersih dan menyebabkan kemarau seterusnya kehausan yang berpanjangan. *“Dialah yang telah menurunkan air hujan dari langit untuk kamu, sebahagiannya menjadi minuman dan sebahagiannya (menyuburkan) tumbuh-tumbuhan, yang pada (tempat tumbuhnya) kamu menggembalakan ternakanmu”*. (an-Nahl-10).

Dalam surah al-Anfal pada ayat ke-11 Allah SWT berfirman yang bermaksud, *“(Ingatlah), ketika Allah menjadikan kamu mengantuk sebagai ketenteraman daripada-Nya, dan Allah menurunkan kepadamu hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengan hujan itu dan meghilangkan dari kamu gangguan-gangguan syaitan dan untuk menguatkan hatimu dan memperteguh dengannya telapak kaki(mu)”*.

Jika kita memahami ayat di atas, maka kita boleh fahami bahawa air hujan itu dapat mensucikan kita. Air hujan adalah salah satu sumber air yang terpenting di bumi. Cuba bayangkan kehidupan tanpa air, pasti manusia tersebut tidak dapat memperoleh kebersihan diri dek kerana kebersihan adalah penting untuk umat sejagat raya ini tidak kira dalam aspek individu, masyarakat ataupun negara.

Seterusnya, dalam al-Quran juga, hujan sebagai bukti kekuasaan dan nikmat digunakan istilah *al-ghayth* yang diulang sebanyak 6 kali. Antaranya membicarakan bahawa hanya Allah yang berkuasa tentang hari kiamat dan Allah menurunkan hujan, dan tiada yang mengetahui di bumi mana dia akan mati dan Allah menurunkan hujan sesudah mereka berputus asa.

Allah berfirman dalam surah as-Syu'ara' pada ayat 28 yang bermaksud, *“Dan Dialah yang menurunkan hujan sesudah mereka berputus asa dan menyebarkan rahmat-Nya dan Dialah yang Maha Pelindung lagi Maha Terpuji”*. Istilah *al-ghayth* bermaksud pertolongan. Hujan yang turun setelah lama dinantikan digunakan istilah *al-ghayth* kerana ia tiba seperti bantuan dan pertolongan bagi yang memerlukannya. Ada sebahagian ulama berpendapat bahawa ayat ini diturunkan setelah Nabi s.a.w. memohon kepada Allah supaya diturunkan hujan untuk meringankan beban mereka yang mengalami kemarau selama 7 tahun berturut-turut.

KESIMPULAN

Sebagai umat Islam, kita haruslah mengetahui dan memahami bahawa setiap fenomena alam dan apa yang telah terjadi di muka bumi ini adalah kerana rahmat Allah dan sebagai ujian untuk hamba-Nya. Kita sebagai umat Islam yang berintegriti tinggi hendaklah belajar untuk rasa bersyukur dengan setiap satu dari nikmat-Nya agar hidup kita sentiasa merasa cukup dan berikat oleh Allah SWT.

Mitos Kesihatan

Oleh : Dr. Mohamad Hasif Bin Jaafar & Dr. Mohd Kamel Mat Salleh

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Negeri Sembilan

Masyarakat Malaysia amat terkenal dengan pantang larang yang diwarisi sejak turun-temurun. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan daripada melakukan tabiat atau amalan buruk dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, mitos ialah cerita tentang seseorang atau sesuatu yang tidak benar atau direka-reka atau didongengkan. Terdapat banyak mitos berkaitan dengan perubatan yang amat popular dalam kalangan masyarakat Malaysia.



Jangan Makan Ubat Tahan Sakit, Nanti Rosak Buah Pinggang

Mitos mengenai tidak makan ubat tahan sakit kerana risau rosak buah pinggang. Bukan semua ubat tahan sakit akan memberi kesan yang buruk terhadap buah pinggang. Ubat anti-radang bukan steroid (NSAID) yang merupakan ubat tahan sakit yang biasa digunakan memang boleh mengurangkan aliran darah kepada buah pinggang, tetapi ia akan merosakkan buah pinggang jika digunakan dalam tempoh yang terlalu lama atau mengambil dos yang berlebihan. Jika diambil mengikut dos yang dipreskrip oleh doktor, ia tidak akan menjelaskan buah pinggang anda.



Jangan Mandi Malam, Nanti Paru-Paru Berair

Mitos mengenai mandi malam menyebabkan paru-paru berair. Paru-paru berair ialah keadaan di mana

terdapat cecair di dalam lapisan yang meliputi paru-paru. Paru-paru berair dikenali sebagai *pleural effusion* dalam istilah perubatan. Kegagalan jantung, jangkitan tuberkulosis atau trauma pada paru-paru adalah punca-punca paru-paru berair. Tiada bukti yang kukuh yang membuktikan bahawa mandi malam menyebabkan paru-paru berair.



Jangan Makan Panadol, Nanti Panadol Kekal Dalam Badan Dan Rosak

Mitos mengenai makan sebiji panadol akan kekal di dalam badan selama lima tahun. Mitos ini telah menyebabkan masyarakat berasa takut untuk mengambil Panadol kerana risau Panadol tersebut yang berada di dalam badan dalam tempoh lama yang boleh merosakkan buah pinggang. Kesan Panadol dalam badan akan berkurangan sebanyak 50% dalam tempoh empat jam selepas pengambilan. 98% daripada dos yang diambil akan disingkirkan dari badan dalam tempoh 24 jam. Panadol diuraikan oleh hati dan bukannya buah pinggang.



Jangan Makan Kicap Semasa Mengandung, Nanti Dapat Anak Kulit Gelap

Mitos mengenai makan kicap dalam kuantiti yang banyak boleh menyebabkan kulit anak yang dikandung menjadi gelap. Warna makanan yang diambil tidak akan mempengaruhi warna kulit pada bayi. Hal ini kerana sistem penghadaman di dalam badan tidak bersambung dengan rahim. Makanan yang dimakan akan dicernakan di dalam sistem penghadaman dan diserap ke dalam badan. Molekul yang tercerca akan diberikan kepada bayi melalui uri iaitu plasenta. Warna kulit yang gelap adalah disebabkan kehadiran kompaun melanin yang terhasil daripada sel *melanocytes*. Terdapat juga sesetengah individu yang mempunyai masalah dalam penghasilan sebatian ini dan kulit mereka akan kelihatan sangat putih. Mereka ini merupakan penghidap penyakit albino. Jadi, jelaslah bahawa pemakanan tidak mempengaruhi warna kulit bayi tetapi sebenarnya bergantung pada pewarisan genetik.

Hukum Penjarakan Saf Solat Berjemaah



Oleh : Dr. Hj. Mohd Kamel bin Mat Salleh & Dr. Mohamad Hasif bin Jaafar

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Negeri Sembilan

Penularan wabak COVID-19 sudah setahun lebih melanda tanah air Malaysia.

Kes pertama yang mula dikesan positif pada 3 Februari 2020. Sehingga 14 Mac 2020, statistik yang Dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia setakat jam 5.00 petang menunjukkan sebanyak 41 kes baru dikesan dengan jumlah kes keseluruhan seramai 238 orang. Dalam masa yang begitu pantas wabak ini semakin menular ke seluruh negara. Disebabkan perkara tersebut, institusi fatwa di Malaysia telah mengambil pendekatan segera dalam membincangkan hukum bagi menyelesaikan pertikaian dalam kalangan masyarakat Islam. Sehingga kini umat Islam masih melaksanakan solat berjemaah secara penjarakan fizikal bertujuan mengekang penularan wabak yang boleh tersebar apabila duduk berdekatan antara satu sama lain.

Keputusan berkenaan hukum penjarakan saf solat ini telah diputuskan oleh Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) yang diurussetiakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia yang telah diadakan pada 21 April 2020 dan pandangan hukum ini kemudiannya telah difatwakan di semua negeri.

Rentetan dari perkembangan semasa ketika itu yang membawa kepada penularan wabak dengan terlalu cepat, Jawatankuasa Muzakarah telah melaksanakan beberapa siri perbincangan bagi membincangkan isu-isu baru yang timbul bagi mengelakkan jangkitan kepada orang ramai termasuk cadangan saf solat secara berjarak. Ia dibincangkan bagi pelaksanaan fatwa tersebut di peringkat negeri seluruh Malaysia kerana ia adalah isu yang melibatkan kepentingan nasional.

Kaedah penetapan hukum solat penjarakan saf ini mengambil kira rujukan kepada kaedah-kaedah fiqh yang disebut sebagai *al-Qawaaid al-Fiqhiyyah*. Berdasarkan pandangan para ulama Usul Fiqh,

rumusan yang dapat dijelaskan berkenaan pengertian kaedah-kaedah fiqh ini ialah kaedah dalam Undang-undang Islam yang disusun dan didokumentasikan oleh para ulama untuk menjadi antara asas rujukan bagi memahami dan mengembangkan fiqh Islam tentang kaedah hukum.

Justeru dalam menetapkan hukum berkenaan penjarakan saf dalam solat, beberapa kaedah fiqh yang telah digunakan antaranya ialah yang berkaitan menolak kemudarat. Kaedah yang berkaitan antaranya ialah *al-dharar yuzal* yang bermaksud kemudarat hendaklah dihilangkan. Dalam isu berkait penularan wabak COVID-19 antara pendekatan yang sepatutnya dilakukan ialah menghilangkan kemudarat yang boleh berlaku disebabkan berhimpunnya secara beramai-ramai yang menyebabkan berlakunya sentuhan antara satu sama lain. Maka antara justifikasi yang menyebabkan penjarakan saf ini wajar dilakukan ialah dengan merenggangkan jarak saf dalam solat berjemaah.

Penetapan hukum ini juga selaras dari sudut sains dan penjagaan kesihatan bagi mengelakkan virus dan wabak penyakit tersebar dengan berleluasa. Nabi SAW pernah melarang umatnya daripada menghampiri sebab-sebab yang boleh membawa kemusnahan diri. Nabi SAW ketika menyebut berkenan taun, baginda bersabda yang bermaksud: jika kamu mendengar taun di sesuatu tempat, jangan kamu pergi kepadanya. Jika berlaku di sesuatu tempat sedangkan kamu berada di situ, jangan kamu keluar daripadanya (Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Malah Khalifah Umar al-Khattab pernah membatalkan hasratnya untuk ke Syam ketika wabak taun merebak di sana. Dalam sebuah hadith lain yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: larilah daripada penyakit berjangkit seperti mana kamu lari daripada singa (Riwayat al-Bukhari).

Kaedah fiqh yang seterusnya ialah *al-dharurah tubih al-mahzurat* yang bermaksud darurat mengharuskan suatu yang dilarang. Dalam konteks kaedah ini, yang menjadi keutamaan ialah merapatkan saf, namun ia bukanlah syarat sah kepada solat, tetapi lebih kepada kelebihan apabila saf solat itu dirapatkan.

Hukum merapatkan solat adalah sunat dan merupakan salah satu daripada *sunat-sunat hai'ah*, bukanlah rukun mahupun sunat *ab'adh*. Hukum asal bagi merenggangkan saf adalah dimakruhkan dan meluputkan pahala solat berjemaah berdasarkan kepada beberapa sandaran hadith. Namun begitu sekiranya merenggangkan saf dilakukan kerana keperluan, maka hal itu tidaklah makruh atau diharamkan. Ini berdasarkan kaedah yang telah dinyatakan iaitu *al-dharurah tubih al-mahzurat*.

Kaedah ini berkait juga dengan kaedah *al-hajah tanzilu manzilah al-dharurah ammah kanat aw khassah* yang bermaksud keperluan itu menduduki tempat darurat, pada peringkat umum atau khas. Ia membawa kepada pengertian konsep bahawa keperluan menjarakkan saf itu berdiri atas sebab darurat. begitu juga dengan kaedah *al-karahah tazulu bil hajah* yang bermaksud hukum makruh itu hilang apabila wujud keperluan. Maksudnya, menjarakkan saf itu hukumnya makruh, tetapi disebabkan ada keperluan, ia dibolehkan.

Penentuan hukum ini tidak terhad kepada permasalahan darurat semata-mata tetapi merujuk juga kepada polisi yang sepatutnya dimainkan oleh pihak pemerintah. Dasar kerajaan dalam mengeluarkan keputusan ini termasuk dalam hal berkaitan SOP, perintah kuarantin menguatkuasa perintah kawalan pergerakan dan sebagainya sebenarnya bersumberkan

kepada kaedah-kaedah fiqh juga.

Satu kaedah masyhur iaitu *tasarruf al-imam ala al-raiyyah manutun bil maslahah* yang bermaksud tindakan atau polisi pemerintah terhadap rakyatnya hendaklah bergantung kepada maslahah membuktikan bahawa ulil amri sebenarnya mempunyai peranan besar dalam mewujudkan peraturan-peraturan yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat. Maka apabila munculnya isu pro kontra dalam penentuan hukum ini, kuasa mutlak pastilah terletak di tangan pemerintah sendiri bertepatan dengan kaedah hukum *al-hakim yarfa' al-khilaf* yang bermaksud hukum dan keputusan hakim atau pemerintah boleh menghilangkan perkara khilaf.

Sebarang permasalahan dan isu baharu yang timbul berkaitan hukum dalam masyarakat boleh diputus dan diselesaikan melalui kaedah-kaedah seperti yang telah dijelaskan. Maka apabila timbul isu penularan COVID-19, pihak kerajaan melalui institusi berautoriti telah memikirkan pelbagai pendekatan bagi mencari solusi yang tuntas, bagaimana penyebaran wabak ini dapat disekat dan rantaiannya boleh diputuskan. Ini termasuklah melalui pendekatan penjarakan fizikal seperti dalam solat berjemaah. Maka rakyat Malaysia wajar mematuhi peraturan ini bertepatan dengan saranan dan nasihat al-Quran melalui firman Allah yang bermaksud: *Taatlah kamu kepada Allah, Rasul dan ulil amri dari kalangan kamu* (Surah al-Nisa' ayat 59).

FUNGSI PEMIMPIN DALAM SEBUAH ORGANISASI

Oleh : Ahmad Faiz Bin Haji Ahmad Ubaidah

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Negeri Sembilan

Secara ringkas fungsi pimpinan dalam sebuah organisasi adalah seperti berikut:

- > Membentuk dan membimbing ahlinya ke arah kejayaan dunia dan akhirat.
- > Menyatukan kumpulan dengan bertindak sebagai pakar rujuk, orang tengah, penasihat, kawan dan pendengar yang sabar.
- > Mewujudkan suasana yang selesa untuk membolehkan orang yang dipimpin memberikan sumbangan yang bermakna dan secemerlang yang mungkin. Ini termasuklah dengan memberikan dorongan berdasarkan ganjaran atau hukuman dan teguran. Iklim organisasi yang selesa juga dapat mewujudkan apabila pihak pimpinan arif dalam bentuk membela (secara fizikal atau psikologi).
- > Merancang, menyelia dan menilai prestasi setiap tugas yang diberikan kepada anggota organisasi. Setiap aspek pengurusan dijalankan dengan penglibatan yang bermakna dari ahli dan memberikan rangsangan yang berterusan. Matlamat bagi setiap kegiatan dinyatakan dengan jelas agar wujud kesepadan dalam hasrat dan matlamat.
- > Memudahkan perhubungan dalam kalangan anggota organisasi. Ini mengambil kira kaedah penyaluran maklumat yang sesuai dan berkesan.

Kesimpulannya pemimpin organisasi perlu mahir mengenai pelbagai teknik komunikasi sama ada secara perseorangan, kumpulan kecil mahupun kumpulan besar.

Para pemerhati dalam sejarah tasawuf Islam mendapati bahawa amalan ahli sufi telah lama wujud sebelum adanya istilah tasawuf. Sejarah yang sebenar kembali kepada zaman kehidupan Rasulullah SAW dan para sahabat baginda yang hidup di zamannya. Terangkum dalam diri mereka sifat kebersihan hati, sinaran cahaya iman dan kebaikan yang menyelimuti aktiviti harian mereka, semuanya lahir dari pendidikan dan dasar serta nilai jiwa yang luhur. Kehidupan Rasulullah SAW dan para sahabat adalah permulaan tasawuf Islam.

Rasulullah SAW hidup di bawah langit kota Mekah yang mulia, diselaputi debu padang pasir dan bahang cahaya mentari. Baginda hidup bersama dengan warga Mekah yang mempunyai perbezaan akhlak dan anutan masing-masing. Bila kita mengamati individu yang dihampiri oleh baginda untuk beriman dengan seruan Rasulullah SAW di awal penyebaran dakwah Islam, mereka ialah individu-individu yang telah mempunyai nilai keperibadian yang tinggi. Bilamana Rasulullah SAW menjelaskan berkaitan dakwahnya, mereka dengan senang menerima disebabkan kehidupan seharian mereka telah mengamalkan kebaikan yang memang selari dan sesuai dengan kemurnian Islam. Dengan memiliki roh kebaikan yang tinggi, mereka beriman dan membentarkan seruan Rasulullah SAW, mereka menjadikan Rasulullah SAW contoh teladan dalam setiap tindak tanduk dengan meneliti setiap pergerakan dan perkataan dengan mengikutinya dalam ibadahnya serta perilaku yang mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala.

Rasulullah SAW menyelusuri kehidupannya berdasarkan manhaj Rabbani, setiap perbuatan yang Rasulullah SAW lakukan sumbernya adalah daripada Allah Ta'ala, jika kita amati firman Allah dalam surah



Kalam sufi siri 1: *Sejarah kemunculan tasawuf dalam Islam*

al-Najm ayat 3-4 yang bermaksud *dan tiadalah ia berkata dengan hawa nafsu akan tetapi ia adalah wahyu yang diturunkan oleh Allah*. Kalimat ‘berkata’ yang ia merupakan sebahagian unsur dalaman menjelaskan bahawa diri Rasulullah SAW yang semua perbuatannya adalah bersumberkan dari Allah Ta’ala , bukanlah ia seperti manusia biasa. Bahkan ia terpelihara (maksum) daripada kesilapan, lahir darinya ke semua urusan hidupnya dari Allah Ta’ala. Tiada pergerakan kecuali dengan kehendak Allah, tiada baginda berkata kecuali dengan wahyu Allah.

Para sahabatnya mengetahui perkara tersebut, lantas mereka berusaha menjadikan diri mereka mencontohi segala urusan kehidupannya mengikut baginda Rasulullah SAW. Sebab itulah kita mengetahui segala tingkah laku Rasulullah SAW dari para sahabat yang telah mempraktikkan tingkahlaku ini dan diturunkan kepada generasi seterusnya sehingga diketahui pada pengakhiran kurun kedua hijrah ia dikenal sebagai ilmu tasawuf. Suati ilmu yang menjadi cerminan sifat dan *mauqif* baginda Rasulullah SAW terhadap kehidupan dunia dan kezuhudannya.